

# Apa pendapat kaunselor

U.M M/S 15 29.1.07

**KAUNSELOR** Universiti Malaya, Hushim Salleh, berkata, isu lelaki berkeluarga dilanda sindrom malak bekerja bukan sesuatu yang baru.

Katanya, isu ini bukan sahaja berlaku di kampung, malah di bandar turut mengalami fenomena sama.

"Banyak terjadi kes, suami menjaga anak-anak di rumah dan isteri bekerja. Golongan ini boleh dikatakan sebagai suami sepenuh masa.

"Sindrom ini berlaku apabila si isteri bersetuju untuk memikul tanggungjawab mencari nafkah dan suami menguruskan kerja di rumah.

"Namun demikian, keadaan menjadi tidak sihat apabila suami hanya makan dan tidur di rumah tanpa menghiraukan hal anak-anak," katanya.

Hushim menambah, keadaan psikologi anak-anak yang sudah bersekolah dan mempunyai kawan-kawan akan terganggu kerana mereka akan tertanya-tanya mengapa bapa mereka di rumah sahaja sedangkan pada masa yang sama bapa orang lain bekerja.

"Sesuatu perlu dibuat untuk memperbaiki keadaan ini. Golongan lelaki

perlu lebih yakin menghadapi situasi ini. Jika berterusan, fungsi institusi keluarga akan terganggu.

"Kembali kepada ajaran Islam, lelaki yang wajib mencari nafkah dan bukan sebaliknya. Isteri hanya membantu dan memberi sokongan kepada suami," ujarnya.

Ditanya tentang bilangan pelajar perempuan lebih ramai daripada lelaki di institusi pengajian tinggi terutama bidang profesional mempengaruhi senario ini berlaku, Hushim berkata, keadaan ini sebenarnya boleh diubah pada peringkat sekolah rendah lagi.

"Tidak dinafikan, statistik sekarang menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai dan menjadi penyumbang tenaga kerja utama negara.

"Manakala lelaki pula sering dikaitkan dengan gejala sosial seperti dadah, rempit dan buli sejak di sekolah lagi," katanya.

Hushim menambah, bilangan pelajar perempuan tidak boleh disekat kerana mereka memang layak dari segi akademik.

Jelasnya, apa yang perlu dilakukan

ialah menyedarkan golongan lelaki bermula pada peringkat sekolah rendah dengan memberi motivasi dan kursus kepimpinan.

"Kementerian pelajaran, badan bukan kerajaan (NGO) dan ibu bapa perlu menerangkan pentingnya mencari rezeki, memimpin keluarga dan bekerja sejak lelaki itu kanak-kanak lagi," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia, Prof. Dr. Suradi Salim berkata, senario ini sering berlaku di kalangan suami isteri yang menjalankan aktiviti pertanian.

Tambah Suradi, amat kerap berlaku juga kes isteri menjual kuih dan suami duduk di rumah.

"Antara yang menjadi faktor utama ialah isteri yang berkahwin dengan suami yang berpendidikan lebih rendah darinya atau berjawatan ren-



**HUSHIM SALLEH**



**PROFESOR DR. SURADI SALIM**

dah.

"Malah ada kes lelaki yang bekerja sebagai kakitangan awam dan pen-cen awal pada usia awal tidak mahu mencari pekerjaan lain.

"Mereka ini hanya mengharapkan sumber kewangan daripada isteri," katanya.

Kata Suradi lagi, fenomena ini jarang membawa kepada penceraian kerana hak tersebut terletak pada tangan lelaki dan mereka lebih selesa dengan situasi seperti ini.